



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# PENGARUH PEMBOLEHUBAH MAKROEKONOMI TERPILIH DAN KRISIS EKONOMI TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI DI MALAYSIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **PENGARUH PEMBOLEHUBAH MAKROEKONOMI TERPILIH DAN KRISIS EKONOMI TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI DI MALAYSIA.**

**MUHAMMAD HILMI BIN ABDUL RAZAK**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
iv

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji kepada Allah S.W.T, Tuhan maha mengetahui, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W dan seluruh keluarga serta para sahabat baginda. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaNya kajian ini dapat disiapkan dengan jayanya. Pada kesempatan ini juga saya ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Norimah Bt Rambeli @ Ramli selaku penyelia yang telah banyak membimbang, memberi tunjuk ajar, nasihat dan dorongan sepanjang saya menyiapkan disertasi ini. Tanpa kehadiran beliau dalam menjalankan gerak kerja dalam disertasi ini, disertasi ini mungkin tidak dapat disiapkan dan mencapai objektifnya. Terima kasih yang tidak terhingga juga di atas sokongan rakan-rakan, ahli keluarga terhadap dorongan yang diberikan sepanjang tempoh menyiapkan disertasi ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
iv



## ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menyelidik pengaruh pembolehubah makroekonomi terpilih dan krisis ekonomi terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Kajian ini mengkaji pengaruh perbelanjaan kerajaan dalam pendidikan, harga minyak dunia, inflasi dan krisis ekonomi terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Bagi mencapai matlamat kajian ini, data sekunder sukuan tahun telah digunakan bermula dari Q4:1990 hingga Q4:2015. Kajian ini menggunakan Kaedah Kuasa Dua Terkecil (KKDT) dalam mendapatkan nilai koefisien bagi lima pembolehubah termasuklah perbelanjaan kerajaan dalam pendidikan, harga minyak dunia, inflasi dan pembolehubah dami mewakili krisis kewangan Asia dan dunia. Dapatan kajian memberi indikasi pembolehubah perbelanjaan kerajaan dalam pendidikan mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Keputusan ini disokong dengan nilai koefisien  $\beta_1=0.201(p<0.01)$ . Selanjutnya, dapatan kajian memberi indikasi bahawa pembolehubah harga minyak dunia turut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi secara positif dan signifikan dengan nilai koefisien  $\beta_2=0.419(p<0.01)$ . Pembolehubah inflasi menunjukkan kesan yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi namun, tidak signifikan dengan nilai koefisien  $\beta_3=0.043(p>0.01)$ . Dapatan kajian juga memberi indikasi bahawa pembolehubah dami yang mewakili krisis kewangan di Asia mempunyai kesan positif dan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia dengan nilai koefisien  $\beta_4=0.2016(P<0.01)$ . Manakala pembolehubah dami yang mewakili krisis kewangan dunia pula menunjukkan kesan negatif dan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Keputusan ini disokong dengan nilai koefisien  $\beta_5=-0.163(p<0.01)$ . Secara keseluruhannya, wujud pengaruh antara pembolehubah tidak bersandar yang dikaji terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia yang terdiri daripada perbelanjaan kerajaan dalam pendidikan, harga minyak dunia, krisis kewangan Asia dan krisis kewangan dunia kecuali inflasi. Hasil kajian menunjukkan perbelanjaan kerajaan dalam pendidikan mampu memacu pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka masa panjang. Selain itu, dapatan kajian juga mencadangkan pembolehubah harga minyak dunia mempunyai pengaruh yang paling besar terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Justeru, pelaksanaan dasar perlindungan eksport dicadangkan untuk mengelakkan hasil minyak terdedah kepada risiko kejutan harga minyak di pasaran global.





## INFLUENCE OF SELECTED MACROECONOMIC VARIABLES AND ECONOMIC CRISES ON ECONOMIC GROWTH IN MALAYSIA

### ABSTRACT

The main purpose of this study was to investigate the influence of selected macroeconomic variables and economic crises on the economic growth in Malaysia. This study examines the influence of government's expenditure in education, world oil prices, inflation and economic crises on economic growth in Malaysia. To achieve the aim of this study, quarterly secondary data have been used from Q4: 1990 to Q4: 2015. This study adopted the Ordinary Least Square Method (OLSM) to obtain the coefficient value for five variable including government's expenditure in education, world oil price, inflation and the dummy variables representing Asian and world financial crises. The findings indicated that government's expenditure in education has positive significant effect on economic growth in Malaysia. This result was supported by the coefficient value of  $\beta_1 = 0.201(p<0.01)$ . Furthermore, the findings indicated that the world oil price variable affects economic growth positively and significant with the coefficient value of  $\beta_2 = 0.419(p<0.01)$ . The inflation variables showed a positive effect on economic growth but not significant with the coefficient value of  $\beta_3 = 0.043(p>0.01)$ . The findings also indicated that dummy variables representing the Asian financial crises has positive and significant effect on economic growth in Malaysia with the coefficient value of  $\beta_4 = 0.206(p<0.01)$ . Meanwhile, the dummy variables representing the world financial crises showed the negative and significant effect on economic growth in Malaysia with the coefficient value of  $\beta_5 = -0.163(p<0.01)$ . Overall, there are exist the influence between the independent variables examined on economic growth in Malaysia which included government's expenditure in education, world oil prices, Asian financial crises and world financial crises except for inflation. The results of the study have showed the government's expenditure in education capable of driving the country's economic growth in the long run. Besides, the findings also suggest that the world oil price variables have the greatest impact on economic growth in Malaysia. Hence, the implementation of export protection policy is intended to prevent oil products exposed to the risk of shocks in oil prices in global markets.





## KANDUNGAN

### **Muka Surat**

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii



### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Matlamat dan Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kerangka Teori	13
1.8 Kerangka Kajian Konseptual	14
1.9 Kepentingan Kajian	15





1.10	Batasan Kajian	16
1.11	Definisi Operasional	17
1.11.1	Perbelanjaan Pendidikan	17
1.11.2	Harga Minyak Dunia	18
1.11.3	Inflasi	18
1.11.4	Pembolehubah Dami	19
1.11.5	Krisis Kewangan Asia	20
1.11.6	Krisis Kewangan Dunia	20
1.11.7	Pertumbuhan Ekonomi	21
1.12	Analisis Tren	21
1.12.1	Pertumbuhan Ekonomi	22
1.12.2	Perbelanjaan Pendidikan	24
1.12.3	Harga Minyak Dunia	26
1.12.4	Inflasi	28
1.13	Organisasi Disertasi	29
1.14	Rumusan Bab	31

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	32
2.2	Hubungan antara Perbelanjaan Pendidikan dengan Pertumbuhan Ekonomi	33
2.3	Hubungan antara Harga Minyak Dunia dengan Pertumbuhan Ekonomi	40
2.4	Hubungan antara Inflasi dengan Pertumbuhan Ekonomi	46
2.5	Hubungan antara Krisis Kewangan dengan Pertumbuhan Ekonomi	51



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	56
3.2 Reka Bentuk Kajian	57
3.3 Instrumen Kajian	57
3.4 Prosedur Pengumpulan Data	58
3.5 Sumber Data Kajian	58
3.6 Prosedur Analisis Data	59
3.6.1 Kaedah Pembentukan Model	59
3.6.2 Sifat yang Diperlukan bagi Sesuatu Model	62
3.6.3 Pembentukan Model dan Spesifikasi Model	63
3.7 Kriteria Ekonomi	66
3.7.1 Keanjalan Ekonomi	66
3.8 Kriteria Statistik	67
3.8.1 Pekali Penentuan ( $R^2$ )	68
3.8.2 Ujian Kesignifikan Secara Individu (Ujian T-Test)	69
3.8.3 Ujian Kebagusan Padanan Model (F-Test)	70
3.8.4 Total Sum of Squares (TSS)	71
3.8.5 Explained Sum of Squares (ESS)	72
3.8.6 Residual Sum of Squares (RSS)	72
3.9 Kriteria Ekonometrik	73
3.9.1 Multikolineariti	73
3.9.2 Heterokidastisiti	74
3.9.3 Autokorelasi	77





3.10	Kaedah Penganggaran	79
3.10.1	Ordinary Least Square (OLS)	79
3.10.2	Best Linear Unbiased Estimator (BLUE)	80
3.11	Rumusan Bab	81

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	82
4.2	Keputusan Model Penganggaran	83
4.2.1	Model yang Dianggarkan	83
4.3	Keputusan Kajian	85
4.3.1	Kriteria Ekonomi	85
4.3.2	Kriteria Statistik	90
4.3.3	Kriteria Ekonometrik	95
4.4	Rumusan	101

**BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	102
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian dan Perbincangan	104
5.3	Implikasi Dasar	108
5.4	Cadangan	110
5.5	Kesimpulan	111

**RUJUKAN** 113**LAMPIRAN** 118



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
4.1 Keputusan Analisis Tatatanda	85
4.2 Dapatan Analisis Keanjalan	88
4.3 Dapatan Ujian Kepentingan (T-Test)	90
4.4 Dapatan Ujian Kebagusan Padanan Model (Ujian F)	93
4.5 Dapatan Durbin Watson Model Penganggaran	96
4.6 Dapatan Ujian Multikolineariti	97



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xii

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Kerja Konseptual	14
1.2 Pertumbuhan Ekonomi Malaysia Tahun 1990-2015	22
1.3 Perbelanjaan Pendidikan Kerajaan Malaysia Tahun 1990-2015	24
1.4 Purata Harga Minyak Dunia Tahun 1990-2015	26
1.5 Kadar Inflasi Malaysia Tahun 1990-2015	28
4.1 Reja Model Penganggaran	95



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiii

## SENARAI SINGKATAN

BLUE	<i>Best Linear Unbiased Estimator</i>
ESS	<i>Explained Sum of Squares</i>
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
LN	<i>Natural Logarithm</i>
OLS	<i>Ordinary Least Square</i>
OPEC	Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum
R <sup>2</sup>	Pekali Penentu
RSS	<i>Residual Sum of Squares</i>
SPSS	<i>Statistical Package for The Science</i>
TSS	<i>Total Sum of Squares</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832

**1.1 Pendahuluan**Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan Malaysia untuk meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada setiap tahun dalam menghadapi cabaran menuju Wawasan 2020 dan status negara maju. Antaranya termasuklah usaha di peringkat makroekonomi iaitu dengan memajukan sektor-sektor atau bidang seperti pertanian, perindustrian, perkilangan, perlombongan dan lain-lain sektor. Hal ini terbukti dengan bajet tahunan yang diperuntukkan kepada setiap sektor yang bertujuan untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, pertumbuhan ekonomi yang mapan merupakan salah satu matlamat asas bagi sesebuah negara termasuk Malaysia yang merupakan sebuah negara membangun. Terdapat pelbagai faktor makroekonomi yang berkemungkinan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi sesebuah negara seperti perbelanjaan kerajaan, pelaburan, eksport bersih dan lain-lain lagi. Oleh yang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



demikian, satu kajian hendaklah dijalankan supaya dapatan kajian nanti dapat dijadikan sebagai rujukan untuk mengetahui hubungan atau pengaruh antara pertumbuhan ekonomi dengan faktor-faktor makroekonomi yang terpilih.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pertumbuhan ekonomi secara umumnya ditakrifkan sebagai peningkatan per kapita Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau pertumbuhan agregat dan biasanya dapat dilihat dengan peningkatan tahunan dalam KDNK benar. Pertumbuhan ekonomi yang mapan merupakan matlamat utama bagi sesebuah negara termasuk Malaysia yang merupakan sebuah negara membangun di Asia. Menurut Chung (2014), Malaysia juga

telah meletakkan usaha dalam merangsang pertumbuhan ekonomi dalam beberapa dekad yang lalu untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dalam kalangan negara membangun.

Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang sederhana iaitu pada kadar 5% setahun berdasarkan perbandingan nilai KDNK benar dari tahun ke tahun bagi tahun 2015 berdasarkan data awalan Jabatan Perangkaan Malaysia. Kadar pertumbuhan ini dilihat lebih perlahan jika dibandingkan dengan pertumbuhan ekonomi yang dicatatkan pada tahun 2014 iaitu pada kadar 6% setahun. Walaupun kadar pertumbuhan ekonomi dilihat menurun, negara kita masih mengalami pertumbuhan ekonomi yang berterusan sejak tahun 2011 hingga tahun 2013 iaitu masing-masing pada kadar 5.3%, 5.5% dan 4.7% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016). Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi secara berterusan, faktor-faktor penyumbang





kepada pertumbuhan ekonomi perlu dikenal pasti dan difahami. Faktor-faktor pertumbuhan ekonomi sangat penting untuk difahami bukan sahaja dari segi penggubalan dasar oleh pihak berwajib, malahan ianya juga penting untuk difahami oleh masyarakat.

Bagi sebuah negara yang sedang membangun dalam usaha untuk menuju ke arah negara maju, salah satu aspek yang perlu dititikberatkan selain daripada aspek politik, ekonomi dan sosial adalah pendidikan. Bagi sesebuah negara, sistem pendidikan yang dilaksanakan mempunyai objektif yang tersendiri sama ada sebagai fungsi kebajikan, sosial dan lain-lain lagi. Menurut Sufean (2004), perkembangan pendidikan di Malaysia terbahagi kepada empat peringkat iaitu pada peringkat pertama dan kedua adalah sejarah awal pendidikan Tanah Melayu dan pendidikan pada zaman pemerintahan British. Bagi peringkat ketiga adalah perkembangan pendidikan tahun 1957 hingga tahun 1970 manakala peringkat keempat pula adalah perkembangan pendidikan tahun 1970 hingga tahun 1990. Dalam tempoh tersebut juga, pelbagai dasar dan penambahbaikan dalam dasar juga telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan seiring dengan kemajuan yang dicapai oleh negara ini. Walau bagaimanapun, dengan cabaran yang sering berubah selaras dengan peredaran zaman, perkembangan pendidikan negara ini terus berlaku di mana fungsi pendidikan juga telah mengalami perubahan. Fungsi pendidikan kini juga boleh dilihat sebagai asas atau persediaan kepada kelangsungan sesuatu pembangunan di mana pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan insan dan pembangunan negara. Hal ini menunjukkan bahawa peranan pendidikan itu penting dalam memangkin pembangunan sumber manusia atau modal insan dan ekonomi negara.





Selain itu, Nazamuddin (2013) menghuraikan bahawa pendidikan juga mempunyai hubungan dengan pertumbuhan ekonomi dan menjadi isu penting dalam bidang keberhasilan modal insan. Mutu keberhasilan modal insan ini juga bergantung kepada proses pelaksanaannya iaitu melalui perancangan pendidikan sesebuah negara dan setiap perancangan tidak mungkin berjaya tanpa bajet yang diperuntukkan. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian oleh Hasnah et al., (2009) yang mendapati bahawa perbelanjaan pendidikan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sesebuah negara.

Bagi memastikan sistem pendidikan terus memangkin kepada pembangunan sumber manusia, kerajaan juga telah memperkenalkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) bermula tahun 2006 hingga tahun 2010 pada 16 Januari 2007.



nasional iaitu memberikan penekanan tinggi ke atas pembangunan modal insan ‘Minda Kelas Pertama’ sebagai pendekatan utama bagi melonjakkan ke status negara maju. Teras strategik PIPP 2006-2010 tersebut termasuklah membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasakan sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profesi perguruan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan. PIPP 2006-2010 ini juga dirangka supaya bidang pendidikan bukan sahaja dapat melahirkan modal insan yang berpengetahuan, kuat fizikal dan cerdik minda, malahan mempunyai nilai-nilai yang sempurna dan murni untuk memikul amanah bagi membantu memajukan negara. Setelah tamat tempoh bagi PIPP 2006-2010, usaha kerajaan untuk memartabatkan sistem pendidikan negara diteruskan lagi dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bermula tahun 2013 hingga tahun 2025 pada 6 September 2013. Langkah





berterusan kerajaan dalam memartabatkan sistem pendidikan negara menunjukkan bahawa sektor pendidikan adalah sangat penting sebagai pemangkin kepada pembangunan negara untuk menuju negara maju.

Selain itu, pengeluaran minyak juga telah menjadi faktor penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Hal ini terbukti melalui kebergantungan sumber fiskal negara dalam perbelanjaan pengurusan dan pembangunan negara terhadap sumber pengeluaran minyak. Namun, kebergantungan kepada pengeluaran minyak mampu memberikan risiko yang besar kepada negara dalam jangka masa panjang disebabkan rizab simpanan minyak negara yang semakin menyusut dan ketidakstabilan harga minyak di pasaran dunia. Menurut Nizam dan Masturah (2008), faktor yang mempengaruhi ketidakseimbangan pasaran harga minyak dunia adalah

seperti pertumbuhan pesat di rantau Asia yang telah meningkatkan permintaan minyak terutamanya dari negara China dan India dan ketidaktentuan geopolitik di Asia Tengah dimana beberapa negara ini merupakan negara ahli Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC). Negara-negara OPEC ini merupakan negara pengeluar minyak yang besar dan bertanggungjawab dalam menentukan tahap pengeluaran minyak dunia dan sekaligus mempengaruhi harga pasaran minyak dunia. Walaupun Malaysia merupakan negara pengeluar dan pengeksport minyak namun, Malaysia bukan ahli OPEC atau negara pengeluar minyak yang besar. Justeru, ketidakstabilan harga pasaran minyak dunia turut memberi kesan pendapatan negara negara melalui jumlah pengeluaran minyak negara dan turut memberi kesan kepada harga minyak domestik di Malaysia. Hal ini turut menjadi salah satu faktor kemungkinan kepada penghapusan pemberian subsidi minyak dengan melaksanakan sistem pengapungan terkawal yang berkuasa pada 1 Disember 2014.





Selain itu, inflasi juga merupakan salah satu faktor penyumbang bagi pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Inflasi merupakan satu masalah yang sering dihadapi oleh sesebuah negara dan hampir kesemua negara di dunia pernah mengalami fenomena inflasi sama ada negara sedang membangun mahupun negara maju. Menurut Mansor (1990), inflasi merupakan fenomena kenaikan harga secara menyeluruh dan berterusan dalam pasaran. Kadar inflasi pula diukur berdasarkan perubahan indeks harga pengguna sesebuah negara dan pada masa tertentu. Malaysia turut tidak dapat mengelak daripada fenomena inflasi di mana menurut Mansor (2013), Malaysia pernah mencapai kadar inflasi tertinggi pada sebanyak 23.90 % setahun pada Mac 1974 dan kadar terendah -2.40 % pada Julai 2009. Secara umumnya, kadar inflasi yang semakin meningkat akan memberi impak yang besar kepada kuasa beli masyarakat serta mempengaruhi struktur dan perkembangan ekonomi sesebuah negara.



Dalam menuju ke arah status negara maju, Malaysia juga tidak terlepas daripada mengalami zaman kemelesetan ekonomi kesan daripada krisis kewangan. Sepanjang tempoh bermula pada tahun 1990 sehingga tahun 2015, Malaysia telah mengalami dua krisis kewangan iaitu krisis kewangan Asia dan krisis kewangan dunia. Menurut Bakhtyar (2017), krisis kewangan Asia berlaku pada bulan Julai tahun 1997 dimana krisis ini bermula di negara Thailand dan mempengaruhi nilai Ringgit Malaysia secara mendadak dalam beberapa hari manakala krisis kewangan dunia pula berlaku pada tahun 2008 hingga tahun 2009. Menurut Bakhtyar (2017) lagi, krisis kewangan dunia telah menjaskan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dimana berlaku penurunan sebanyak 0.1% pada suku terakhir 2008 dan





mencecah -1.51% pada keadaan tertentu pada tahun 2009. Hal ini menunjukkan bahawa krisis kewangan dunia turut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara.

Kesimpulannya, pendidikan merupakan salah satu asas utama kepada sesebuah negara disebabkan fungsi atau peranannya dalam memangkin pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini terbukti melalui perancangan pendidikan dan peruntukan pelaburan dalam setiap rancangan pembangunan Malaysia dalam sektor pendidikan khususnya selepas negara mencapai kemerdekaan. Isu harga minyak dan inflasi juga telah menjadi isu semasa yang sering kali menjadi tajuk perbualan sama ada melalui media massa mahupun elektronik. Hal ini kerana sebarang perubahan harga minyak dunia dan inflasi akan memberi kesan kepada masyarakat dan pertumbuhan ekonomi. Selain itu, krisis kewangan yang berlaku turut menjadi faktor penting dalam mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara. Justeru

kajian ini akan dijalankan bagi mengkaji tentang pengaruh perbelanjaan pendidikan, harga minyak dunia dan inflasi serta krisis kewangan terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Sistem pendidikan negara telah mengalami perubahan sejak dahulu lagi dalam usaha untuk meningkatkan imej negara di mata dunia selain untuk mencapai perpaduan nasional. Selain itu, dasar pendidikan yang digubal adalah demi kepentingan negara. Kepentingan negara yang dimaksudkan ini adalah dalam usaha untuk melahirkan sumber tenaga modal insan yang berkualiti. Kualiti modal insan yang dilahirkan





melalui sistem pendidikan ini dapat menggambarkan kejayaan sesuatu dasar pendidikan yang dilaksanakan oleh sesebuah negara itu sendiri. Kejayaan sistem pendidikan negara bukan sahaja melahirkan sumber modal insan yang berkualiti malahan juga dapat membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara. Tambahan lagi, dalam menuju status negara maju, lebih ramai modal insan yang berkemahiran tinggi diperlukan. Oleh itu, sektor pendidikan negara terus diperkuuhkan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 dan sebanyak RM 56 billion telah diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membiayai pelbagai program pengajaran dan pembelajaran dalam Bajet Negara bagi tahun 2015. Hal ini menunjukkan bahawa perbelanjaan dalam sektor pendidikan juga penting dalam membantu pertumbuhan ekonomi negara. Namun, sejauh manakah perbelanjaan pendidikan kerajaan ini mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara.



Selain itu, terdapat juga faktor lain yang dapat mempengaruhi pertumbuhan ekonomi iaitu harga minyak dunia. Sebarang perubahan harga minyak dunia dikatakan mampu memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara sepetimana menurut Gisser dan Godwin (1986) yang mendapati harga minyak memberikan kesan yang negatif kepada pertumbuhan ekonomi. Namun, berbeza pula bagi Jayraman dan Lau (2011) di mana mereka mendapati tiada hubungan antara harga minyak dunia dengan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang dan sebaliknya pula dalam jangka masa pendek di mana terdapat hubungan negatif yang signifikan. Kini, harga minyak dunia seringkali mengalami perubahan harga sama ada penurunan ataupun kenaikan. Fenomena perubahan harga minyak dunia ini telah menjadi salah satu faktor kepada kerajaan Malaysia untuk menghentikan pemberian subsidi minyak dengan melaksanakan sistem pengapungan terkawal yang berkuasa





pada 1 Disember 2014. Berdasarkan sistem ini, perubahan harga minyak dunia akan memberi kesan secara langsung kepada rakyat dan seterusnya kepada hasil pendapatan negara. Malaysia merupakan negara pengeksport bersih petroleum dan ianya telah memainkan peranan penting sebagai sumber fiskal negara dalam mempengaruhi hasil pendapatan kerajaan persekutuan untuk perbelanjaan pembangunan dan pengurusan negara. Kebergantungan terhadap sumber petroleum ini boleh mendatangkan risiko kepada perancangan ekonomi negara dalam jangka masa panjang dan telah dibuktikan oleh Hausmann dan Rigobon (2002). Menurut mereka, kebergantungan terhadap sumber petroleum menyebabkan sesebuah negara akan berhadapan dengan kejutan harga petroleum serta perubahankekayaan daripada sumber tersebut. Hal ini disebabkan oleh ketidakstabilan hasil pendapatan negara daripada sumber petroleum kesan daripada turun naik harga petroleum di pasaran antarabangsa. Justeru, kajian ini dijalankan untuk melihat pengaruh harga minyak dunia terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Selain perbelanjaan pendidikan dan harga minyak dunia, pembolehubah makroekonomi iaitu inflasi juga akan dikaji bagi melihat hubungannya dengan pertumbuhan ekonomi negara. Secara amnya, hubungan antara inflasi dengan pertumbuhan ekonomi merupakan satu kombinasi isu yang sukar dipisahkan kerana sering diperbincangkan sebelumnya kajian menjadi yang telah dijalankan oleh Tobin (1965), Sarel (1996), Qaiser, Kasim dan Fumitaka (2009) dan lain-lain lagi. Semua negara termasuk Malaysia mementingkan pertumbuhan ekonomi dan kestabilan tingkat harga umum. Selain itu, inflasi merupakan salah satu masalah ekonomi yang berlaku di setiap negara malahan turut berlaku di negara maju. Umum juga berpendapat bahawa inflasi dapat memberi kesan yang negatif kepada pertumbuhan





ekonomi negara khususnya ketika mengalami inflasi tinggi. Namun, terdapat juga penemuan empirik yang menunjukkan hubungan positif antara pertumbuhan ekonomi dengan inflasi ketika inflasi rendah atau sederhana seperti kajian oleh Malik dan Chawdhury (2001). Justeru, perbezaan keputusan kajian emperikal ini membawa kepada satu kajian untuk dijalankan bagi mengenalpasti arah aliran kadar inflasi dan hubungannya dengan pertumbuhan ekonomi khususnya di Malaysia.

Oleh yang demikian, faktor-faktor seperti perbelanjaan pendidikan, harga minyak dunia dan inflasi dapat mempengaruhi pertumbuhan ekonomi sama ada secara positif mahupun secara negatif dan telah dibuktikan melalui kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Namun, penyelidikan terdahulu hanya menekankan tentang hubungan antara pertumbuhan ekonomi dengan faktor yang

diukur tanpa mengambil kira faktor lain misalnya faktor krisis ekonomi yang dialami

dalam lingkungan masa kajian yang telah dijalankan. Hal ini kerana dalam mencapai pertumbuhan ekonomi yang positif dari tahun ke tahun, Malaysia sebenarnya tidak terlepas daripada mengalami krisis kemelesetan kewangan dan ekonomi dunia seperti krisis kewangan Asia yang berlaku pada tahun 1997 dan krisis ekonomi sedunia pada sekitar tahun 2007 hingga 2008. Kedua-dua krisis ini turut memberikan kesan kepada negara khususnya terhadap pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sistem ekonomi yang terbuka diamalkan oleh negara ini telah menyebabkan negara juga tidak dapat mengelak daripada mengalami kesan kemelesetan global terutamanya dalam sektor berkaitan perdagangan luar. Justeru, penyelidikan yang dijalankan ini diharapkan dapat menunjukkan perbezaan hasil kajian terdahulu dengan mengambil kira faktor krisis ekonomi yang dialami negara dalam mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara untuk lingkungan masa yang dipilih untuk kajian ini. Walaupun





terdapat kajian yang mengkaji tentang krisis ekonomi terhadap pertumbuhan ekonomi, namun pengkaji terdahulu menggunakan indikator yang berbeza dengan mengkaji krisis kewangan terhadap pertumbuhan ekonomi dan tidak diuji bersama faktor-faktor makroekonomi yang lain.

#### 1.4 Matlamat dan Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan yang dinyatakan di atas, objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan sama ada terdapat pengaruh pembolehubah makroekonomi terpilih dan krisis ekonomi terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Bagi mencapai matlamat yang digariskan ini, kajian ini mempunyai beberapa objektif khusus iaitu:

- a. Mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan antara pembolehubah makroekonomi terpilih dengan pertumbuhan ekonomi negara bagi tempoh tahun 1990 sehingga tahun 2015.
- b. Mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan antara krisis kewangan Asia dengan pertumbuhan ekonomi di Malaysia bagi tempoh tahun 1990 sehingga tahun 2015.
- c. Mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan antara krisis kewangan dunia dengan pertumbuhan ekonomi di Malaysia bagi tempoh tahun 1990 sehingga tahun 2015.





## 1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan kajian yang telah dibincangkan dan persoalan-persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Adakah terdapat pengaruh yang signifikan antara antara pembolehubah makroekonomi terpilih dengan pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka masa panjang?
- b. Adakah terdapat pengaruh yang signifikan antara krisis kewangan Asia dengan pertumbuhan ekonomi di Malaysia?
- c. Adakah terdapat pengaruh yang signifikan antara krisis kewangan dunia dengan pertumbuhan ekonomi di Malaysia?



## 1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh faktor makroekonomi terpilih iaitu perbelanjaan pendidikan, harga minyak dunia dan inflasi dan krisis ekonomi terhadap pertumbuhan ekonomi negara bermula tahun 1990 hingga tahun 2015. Terdapat beberapa hipotesis yang telah dibina berdasarkan kajian yang hendak dijalankan ini termasuklah seperti berikut:

$H_1$  : Terdapat pengaruh yang signifikan antara pembolehubah makroekonomi dengan kadar pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka masa panjang.

$H_2$  : Terdapat pengaruh yang signifikan antara krisis kewangan Asia terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia.





H<sub>3</sub> : Terdapat pengaruh yang signifikan antara krisis kewangan dunia terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

## 1.7 Kerangka Teori

Pertumbuhan ekonomi secara umumnya merupakan peningkatan dalam keluaran dalam negara kasar (KDNK) per kapita atau peningkatan dalam pendapatan agregat yang kebiasaanya dapat dilihat dalam peningkatan tahunan perubahan KDNK benar. Faktor yang mendorong kepada pertumbuhan ekonomi termasuklah peningkatan produktiviti di mana berlaku peningkatan dalam pengeluaran bagi barang dan perkhidmatan yang menggunakan tenaga kerja, modal dan bahan yang sama. Terdapat


beberapa teori yang dapat menerangkan tentang bagaimana pertumbuhan ekonomi berlaku seperti teori pertumbuhan Adam Smith, David Ricardo, Joseph A Schumpeter, Robert Solow, Walt Whitman Rostow dan Karl Bucher. Walau bagaimanapun, teori yang diguna pakai sebagai asas kepada kajian ini adalah teori pertumbuhan Harrod-Domar yang dikembangkan oleh R.F. Harrod dan Evsey Domar. Teori Harrod-Domar merupakan teori yang dikembangkan daripada analisis Keynesian yang dianggap tidak lengkap kerana tidak membincangkan tentang masalah-masalah ekonomi jangka panjang. Teori Harrod-Domar menganalisis syarat-syarat yang diperlukan agar ekonomi dapat mengalami pertumbuhan dan berkembang dalam jangka panjang (Sukirno, 2006, p.33). Harrod dan Domar berpendapat bahawa pelaburan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Pelaburan dianggap faktor penting kerana memiliki peranan dalam mempengaruhi pertumbuhan ekonomi (Jhingan, 2003, p.229). Selain itu, pelaburan juga berperanan



sebagai faktor yang dapat mencipta pendapatan dan membesarakan kapasiti pengeluaran ekonomi dengan meningkatkan stok modal (Todaro, 2006, p.96). Menurut teori ini lagi, pelaburan tidak hanya mempengaruhi permintaan agregat, namun turut mampu mempengaruhi penawaran agregat melalui perubahan kapasiti pengeluaran. Hal ini selanjutnya meningkatkan stok modal dalam jangka panjang.

### 1.8 Kerangka Kajian Konseptual

Hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah kajian ini dapat dirujuk dalam kerangka kerja konseptual seperti berikut :



Rajah 1.1. Kerangka Kerja Konseptual

Berdasarkan kerangka kerja konseptual ini, hubungan pembolehubah tidak bersandar terdiri daripada faktor makroekonomi iaitu perbelanjaan pendidikan, harga minyak dunia dan kadar inflasi. Selain itu, terdapat juga pembolehubah tidak bersandar yang terdiri daripada krisis kewangan Asia dan krisis kewangan dunia yang digunakan



sebagai pembolehubah dami atau kawalan. Pembolehubah-pembolehubah ini digunakan dalam menerangkan pembolehubah bersandar pertumbuhan ekonomi dan akan dijadikan asas dalam proses pembentukan model kajian.

### 1.9 Kepentingan Kajian

Objektif utama kajian adalah untuk mengkaji pengaruh pembolehubah makroekonomi terpilih iaitu perbelanjaan pendidikan, harga minyak dunia, inflasi dan krisis ekonomi terhadap pertumbuhan ekonomi di negara Malaysia. Walaupun kajian hanya tertumpu di Malaysia, dapatan kajian ini mungkin dapat membantu serba sedikit khususnya pelajar berkaitan dengan analisis ekonomi berdasarkan faktor-faktor pembolehubah tidak bersandar di dalam kajian ini.



Penyelidikan ini diharap dapat memberikan panduan dan maklumat berkenaan kepentingan faktor-faktor yang dikaji dalam membantu pertumbuhan ekonomi negara khususnya kepada kementerian yang terlibat seperti Kementerian Pendidikan. Justeru, iaanya juga diharap dapat memberikan galakan kepada Kementerian Pendidikan untuk terus membangunkan sistem pendidikan negara dengan perancangan pembangunan sistem pendidikan yang lebih baik untuk melahirkan lebih banyak modal insan yang diperlukan.

Kajian yang dijalankan ini juga sangat penting dalam menyediakan maklumat dan data bagi kegunaan atau rujukan pada masa akan datang sekiranya terdapat penyelidik yang mengkaji kajian yang sama atau berkaitan dengan tajuk kajian ini





pada masa akan datang. Penemuan empirikal bagi kajian ini juga boleh dijadikan perbandingan dengan kajian yang akan dijalankan terutamanya setelah faktor tambahan krisis kewangan Asia dan krisis kewangan dunia yang dijadikan sebagai pembolehubah dami selain faktor makroekonomi bagi melihat pengaruhnya terhadap pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang.

### 1.10 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian ketika kajian ini dijalankan termasuklah hasil emperikal yang diperolehi adalah terhad. Keputusan kajian ini boleh diperoleh dengan lebih memberangsangkan jika terdapat lebih ujian statistik yang digunakan dalam kajian ini. Selain itu, hasil kajian yang diperolehi juga lebih baik melalui hubungan antara pembolehubah-pembolehubah jika lebih baik banyak ujian yang dijalankan dalam kajian ini.

Batasan yang seterusnya adalah aplikasi teori ekonomi yang terhad dalam kajian ini. Hasil kajian ini dapat ditingkatkan jika lebih banyak teori ekonomi dapat diaplikasikan supaya hasil kajian ini mampu memberi lebih banyak sumbangan kepada pengkaji akan datang.

Selain itu, kekurangan pengalaman pengkaji juga merupakan salah satu batasan dalam menjalankan kajian ini. Kajian ini merupakan kali pertama pengkaji menjalankan kajian, maka terdapat kekurangan dari segi pengalaman dan satu kajian yang baik memerlukan pengkaji yang berpengalaman. Pengkaji mengalami kesukaran





untuk menentukan data, menganalisis data dan menyusun semua maklumat yang diperoleh dengan lebih baik.

## 1.11 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah dan pembolehubah yang digunakan dengan pengertian yang khusus untuk kajian ini seperti berikut:-

### 1.11.1 Perbelanjaan Pendidikan



digunakan dalam proses untuk mendapatkan hasil di mana sesuatu perbelanjaan dianggap telah dijalankan apabila belanja telah digunakan untuk mendapatkan hasil dalam sesuatu tempoh perakaunan tanpa mengira belanja tersebut sudah dibayar atupun belum. Terdapat dua jenis perbelanjaan iaitu perbelanjaan hasil yang bermaksud belanja yang terlibat dalam menjalankan aktiviti urusniaga harian dan seterusnya perbelanjaan modal yang bermaksud belanja yang tidak mempunyai kaitan dengan urusniaga harian biasa. Dalam konteks kajian ini, perbelanjaan pendidikan merujuk kepada perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan dimana perbelanjaan pendidikan ini merupakan komponen dalam perbelanjaan pembangunan yang bersifat pelaburan bagi mendapatkan keuntungan dalam jangka masa panjang.





### 1.11.2 Harga Minyak Dunia

Harga minyak dunia merupakan sejumlah nilai kewangan yang ditetapkan untuk mendapatkan 1 tong minyak dalam dolar Amerika Syarikat. Terdapat tiga jenis harga minyak yang paling sering diniagakan di pasaran dunia iaitu Minyak West Texas Intermediate (WTI) untuk kawasan Amerika, Minyak Brent untuk kawasan Eropah dan Minyak Dubai untuk kawasan Timur Tengah. Harga minyak dunia ditentukan oleh negara-negara ahli Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) yang merupakan negara pengeluar minyak yang besar. Selain itu, OPEC juga bertanggungjawab dalam menentukan kouta pengeluaran minyak di pasaran global. Secara amnya, turun naik harga minyak dunia memberi kesan kepada ekonomi sesebuah negara sama ada kepada negara pengeksport minyak mahupun negara pengimport minyak. Apabila berlakunya kenaikan harga minyak dunia, maka sektor pengeluaran dalam negara terutamanya kepada industri-industri yang berkaitan dengan bahan bakar minyak akan menurunkan kuantiti pengeluaran. Hal ini kerana harga minyak yang tinggi akan menyebabkan peningkatan dalam kos pengeluaran sehingga perusahaan melakukan penyesuaian yang menyebabkan pengaruh pada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

### 1.11.3 Inflasi

Menurut Mansor (1990), inflasi hanya berlaku apabila kenaikan tingkat harga secara menyeluruh dan berterusan sehingga beberapa suku tahun. Inflasi menurut Bernstein (1968) pula, didefinisikan sebagai kenaikan tingkat harga umum secara berterusan di





sesebuah negara dalam tempoh masa tertentu. Manakala menurut Jefferson (1997), inflasi dapat ditakrifkan sebagai kenaikan tingkat harga umum kesan daripada ketidakseimbangan antara pergerakan barang dan wang. Secara ringkasnya, inflasi boleh ditakrifkan sebagai peningkatan tingkat harga umum secara berterusan di mana peningkatan ini disebabkan oleh perubahan dalam faktor-faktor ekonomi yang mengakibatkan kejatuhan kuasa beli wang. Justeru, lebihan wang yang berlaku dalam pasaran boleh menyebabkan kepada masalah sosial seperti peningkatan pengangguran, penurunan pertumbuhan ekonomi dan pelbagai masalah yang memberi kesan negatif kepada ekonomi. Secara umumnya, suatu kenaikan harga dalam inflasi dapat diukur dengan mengira kadar kenaikan indeks harga menggunakan indeks harga pengguna (IHP). Kaedah Indeks harga pengguna (IHP) digunakan untuk mengukur kadar inflasi dengan membandingkan purata bagi harga barang dan perkhidmatan pada tahun asas dengan tahun semasa.



#### 1.11.4 Pembolehubah Dami

Pembolehubah dami adalah satu pembolehubah patung yang digunakan sebagai kawalan atau berkategori. Menurut Ramlee et al. (2014), data pembolehubah berketogari yang dimasukkan dalam model dikodkan dengan angka 0 dan 1. Kajian ini menggunakan dua pembolehubah dami untuk mengetahui pengaruhnya terhadap pertumbuhan ekonomi iaitu krisis kewangan Asia ( $D_1$ ) dan krisis kewangan dunia ( $D_2$ ) dan dikodkan dengan nilai 0 yang mewakili tiada krisis manakala nilai 1 mewakili ada krisis kewangan yang berlaku.





### 1.11.5 Krisis Kewangan Asia

Krisis kewangan Asia bermula pada Julai 1997 merupakan satu krisis yang telah menjelaskan aktiviti perdagangan dan hampir melumpuhkan ekonomi negara-negara terbabit. Punca berlakunya krisis kewangan ini di tengah-tengah pertumbuhan pesat rantau Asia khususnya Asia Timur dikatakan berpunca daripada spekulator mata wang asing, namun tidak dapat dinafikan ada faktor-faktor lain yang menyumbang kepada fenomena ini dan menyebabkan krisis menjadi bertambah parah. Krisis yang bermula sebagai krisis mata wang dan kecairan telah berkembang menjadi krisis struktur seluruh ekonomi dan merebak keseluruh Asia serta menjelaskan perdagangan dunia termasuk Malaysia dimana krisis ini bermula di negara Thailand seterusnya mempengaruhi nilai Ringgit Malaysia secara mendadak dalam beberapa hari sahaja.



### 1.11.6 Krisis Kewangan Dunia

Krisis kewangan dunia juga dikenali sebagai krisis kewangan global atau krisis subprima yang telah memberi kesan yang mendalam dan berpanjangan kepada ekonomi global pada tahun 2008. Krisis kewangan ini juga melibatkan isu kredit, inovasi kewangan dan tahap risiko yang berlebihan bank, institusi kewangan dan firma-firma pelaburan utama dunia yang kebanyakannya beribu pejabat dalam kalangan negara maju. Krisis ini secara faktanya bermula di Amerika Syarikat dimana secara langsung melibatkan sektor hartanah dan kediaman di Amerika Syarikat. Terdapat juga petunjuk yang jelas kepada pada awal kemelesatan ekonomi secara global dimana berlaku penurunan harga minyak yang mendadak. Selain itu,





keruntuhan beberapa bank utama di Amerika Syarikat juga memberi petunjuk bahawa kemelesetan ekonomi di negara tersebut akan berpanjangan dan terburuk yang bermula pada awal tahun 2008 sejak Perang Dunia Kedua. Krisis ini juga telah memberikan kesan terhadap negara-negara Eropah dan Asia termasuklah negara Malaysia dimana krisis kewangan global ini mempengaruhi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

### **1.11.7 Pertumbuhan Ekonomi**


Pertumbuhan ekonomi ialah pembangunan ekonomi berbentuk fizikal seperti pertambahan keluaran barang dan perkhidmatan, pertambahan infrastruktur dan peningkatan pembangunan ekonomi lain dan ianya merupakan alat untuk mengukur prestasi pembangunan sesebuah negara. Pertumbuhan ekonomi juga dapat ditakrifkan sebagai peningkatan per kapita Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau pertumbuhan agregat dan biasanya sebagai peningkatan tahunan perubahan KDNK benar. Dalam konteks kajian ini, pertumbuhan ekonomi KDNK benar telah dijadikan sebagai komponen yang mewakili pembolehubah bersandar pertumbuhan ekonomi.

### **1.12 Analisis Tren**

Bahagian ini membincangkan tentang tren aliran pembolehubah yang dikaji bagi tahun 1990 hingga tahun 2015.



### 1.12.1 Pertumbuhan Ekonomi



Rajah 1.2. Pertumbuhan Ekonomi Malaysia tahun 1990 -2015. Sumber dari Economywatch.

Rajah 1.2 menunjukkan tren aliran pertumbuhan ekonomi yang merujuk kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar bermula tahun 1990 sehingga tahun 2015. Secara keseluruhannya, tren pertumbuhan ekonomi bagi tahun 1990 hingga 2015 menunjukkan aliran peningkatan, namun pada tempoh tertentu pertumbuhan ekonomi mengalami penurunan. Berdasarkan kepada pemerhatian, pertumbuhan ekonomi yang tertinggi adalah pada suku keempat tahun 2015 iaitu sebanyak RM1,062,650 juta manakala, pertumbuhan ekonomi yang terendah adalah pada suku terakhir tahun 1990 iaitu sebanyak RM264,584 juta. Secara keseluruhan, perbezaan KDNK benar antara tempoh tersebut adalah sebanyak RM798,066 juta. Perbezaan atau peningkatan ini menunjukkan terdapatnya pertumbuhan ekonomi pada tahun kajian ini dan perkembangan ekonomi Malaysia yang semakin baik. Pada suku



terakhir tahun 1990, KDNK benar negara menunjukkan pertumbuhan yang positif sehingga pada suku pertama tahun 1998, KDNK benar negara mula mengalami penurunan sehingga RM482,119 juta.


Penurunan ini berterusan sehingga suku keempat tahun yang sama disebabkan pada ketika ini krisis kewangan Asia sedang melanda di Malaysia yang bermula pada tahun 1997 dan berakhir pada tahun 1998. Krisis kewangan ini mula memberi kesan yang negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara pada awal tahun 1998 berdasarkan penurunan KDNK benar negara yang berlaku. Walaupun negara mengalami penurunan KDNK benar pada ketika ini, namun negara masih mengalami pertumbuhan ekonomi tetapi berkurangan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Hasil daripada pelaksanaan dasar-dasar kerajaan seperti menghadkan pinjaman asing dan

pengawalan ketat ke atas sektor perbankan pada ketika ini dalam menghadapi krisis kewangan, pertumbuhan ekonomi kembali pulih dan meningkat mencapai RM772,733 juta pada suku terakhir tahun 2008. Bermula pada suku pertama tahun 2009, pertumbuhan ekonomi mula mengalami penurunan sehingga mencapai RM772,733 juta pada penghujung 2009 sebelum kembali pulih dan mengalami peningkatan pada suku berikutnya tahun 2010. Penurunan ini berlaku disebabkan oleh krisis kewangan dunia telah terjadi bermula pada tahun 2008 sehingga tahun 2009. Krisis ini berpunca daripada kemerosotan kualiti aset subprima menyebabkan kegagalan institusi kewangan di Amerika Syarikat pada tahun 2007 dan hal ini bertambah buruk apabila banyak aset kewangan mengalami kerugian di negara tersebut. Dasar ekonomi Malaysia yang terbuka menyebabkan kemelesetan global amat dirasai oleh sektor yang berkaitan dengan perdagangan luar seperti eksport dan pengeluaran kilang. Kesan daripada krisis ini, kerajaan telah mengumumkan



rangsangan fiskal bagi menggerakkan aktiviti ekonomi dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif terutamanya dalam pelaksanaan projek-projek infranstruktur. Pelaksanaan dasar ini telah memulihkan ekonomi negara dan semakin baik sehingga mencapai pertumbuhan ekonomi yang berterusan sehingga mencapai pertumbuhan ekonomi yang tertinggi iaitu sebanyak RM1,062,650 juta pada penghujung tahun 2015.

### 1.12.2 Perbelanjaan Pendidikan



Rajah 1.3. Perbelanjaan Pendidikan Kerajaan Malaysia tahun 1990 – 2015. Sumber dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rajah 1.3 menunjukkan tren aliran perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan bermula tahun 1990 sehingga tahun 2015. Perbelanjaan ini merupakan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan Malaysia setiap tahun melalui bajet tahunan. Berdasarkan kepada pemerhatian, perbelanjaan pendidikan yang tertinggi adalah pada tahun 2002 iaitu sebanyak RM12,436 juta manakala perbelanjaan pendidikan yang




terendah adalah pada tahun 1993 iaitu sebanyak RM1,117 juta. Perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan yang dicatatkan pada tahun 1990 adalah sebanyak RM1,634 juta. Namun, pada tahun berikutnya kerajaan Malaysia telah mengurangkan perbelanjaan pendidikan kepada RM1,546.75 juta dan semakin berkurangan sehingga tahun 1993 iaitu kepada RM1,117 juta. Pengurangan perbelanjaan ini disebabkan oleh penumpuan kerajaan kepada sektor lain dalam menjadikan negara sebagai negara perindustrian menjelang tahun 2020. Namun pada tahun 2002 kerajaan telah meningkatkan peruntukan dalam sektor pendidikan kepada RM12,436 juta dan perbelanjaan ini adalah yang tertinggi telah dicatatkan. Peningkatan ini disebabkan oleh penumpuan kerajaan dalam pembangunan modal insan melalui sistem pendidikan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan semakin berkurangan pada tahun berikutnya sehingga RM3,736 juta pada tahun 2005.



Pada tahun 2006, kerajaan kembali meningkatkan perbelanjaan pendidikan yang berterusan sehingga tahun 2010 iaitu daripada RM5,430 juta kepada RM12,046 juta. Peningkatan ini menunjukkan sektor pendidikan adalah sangat penting kepada negara dalam tempoh ini. Pada tempoh yang sama, kerajaan juga telah memperkenalkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) bermula tahun 2006 hingga tahun 2010 pada 16 Januari 2007. PIPP 2006-2010 telah menggariskan enam teras strategik utama untuk mencapai misi nasional iaitu memberikan penekanan tinggi ke atas pembangunan modal insan ‘Minda Kelas Pertama’ sebagai pendekatan utama bagi melonjakkan ke status negara maju. Kemudian, pada tahun 2011, kerajaan Malaysia mengurangkan perbelanjaan pendidikan kepada RM10,968.25 juta. sehinggalah mencapai kepada RM4,758 juta pada tahun 2015.



### 1.12.3 Harga Minyak Dunia



Rajah 1.4. Purata Harga Minyak Dunia tahun 1990 – 2015. Sumber dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rajah 1.4 menunjukkan tren aliran harga minyak dunia yang merujuk kepada purata harga minyak dunia bermula tahun 1990 sehingga tahun 2015. Berdasarkan rajah 1.4, harga minyak dunia pada suku keempat tahun 1990 adalah sebanyak USD 24.45 per tong dan mengalami penurunan sehingga mencapai kepada USD 17.19 per tong pada suku terakhir tahun 1994. Penurunan ini adalah kerana berlakunya serangan Iraq keatas Kuwait dan juga Perang Teluk atau “Gulf War” yang ingin membebaskan Kuwait, seterusnya membawa kepada penurunan harga minyak secara konsisten. Pada suku berikutnya iaitu suku pertama tahun 1995, harga minyak dunia mengalami peningkatan sebanyak 1.8% iaitu kepada USD 17.5 per tong sehinggalah mencapai USD 21.74 per tong pada suku pertama tahun 1997. Situasi ini didorong oleh peningkatan penggunaan minyak secara global dan penurunan kadar pengeluaran minyak oleh Rusia telah menyumbang kepada pemulihian harga minyak. Namun,



bermula suku kedua tahun 1997, harga minyak dunia kembali mengalami penurunan sehingga pada suku keempat tahun 1998 iaitu kepada USD 14.38 per tong. Penurunan ini adalah kesan daripada krasis ekonomi Asia pada tahun 1997 hingga 1998 dan juga dipengaruhi oleh keputusan OPEC untuk menghadkan kadar pengeluaran minyak. Oleh itu, ekonomi Asia yang sebelum ini rancak meningkat telah terhenti dan penggunaan minyak untuk Asia Pasifik juga berkurang. Kombinasi kadar penggunaan, peningkatan dan penurunan kuota pengeluaran oleh OPEC telah menyebabkan harga minyak kembali jatuh.


Bermula suku pertama tahun 1991, harga minyak dunia kembali meningkat kepada USD 15.61 per tong sehingga mencapai nilai USD 30.37 per tong sebelum mengalami penurunan pada suku pertama tahun 2001. Peningkatan harga minyak

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

pada suku pertama tahun 1991 dipengaruhi oleh keputusan OPEC untuk menurunkan kuota pengeluaran yang menyebabkan harga minyak kembali naik. Sebaliknya, serangan pengganas pada 11 September 2001 pula telah menyebabkan harga minyak jatuh dengan kadar yang sangat cepat. Penurunan ini berlaku sementara sahaja apabila harga minyak mengalami peningkatan bermula pada suku kedua tahun 2002 sehingga mencapai harga sebanyak USD 99.92 per tong pada suku keempat tahun 2008. Harga ini merupakan yang tertinggi pernah dicapai sejak tahun 1990 dan ini adalah kerana berlakunya kenaikan kadar inflasi oleh Bank Pusat Eropah. Namun begitu, pada suku berikutnya, harga minyak dunia kembali mengalami penurunan kepada USD 61.99 per tong pada suku keempat pada tahun 2009. Harga minyak seterusnya mengalami keadaan yang tidak stabil dimana berlaku peningkatan semula pada suku pertama tahun 2010 sebelum mengalami penurunan sehingga mencapai harga USD 48.68 per tong pada suku terakhir tahun 2015.



#### 1.12.4 Inflasi



Rajah 1.5. Kadar Inflasi Malaysia tahun 1990 – 2015. Sumber dari Data Bank Dunia.

Rajah 1.5 menunjukkan tren aliran kadar inflasi bermula tahun 1990 sehingga tahun 2015. Inflasi merupakan petunjuk bagi tingkat perubahan indeks harga pengguna dan terjadi jika berlaku proses kenaikan harga secara terus-menerus dan saling pengaruh-mempengaruhi. Berdasarkan pemerhatian, secara keseluruhannya kadar inflasi di Malaysia menunjukkan keadaan yang tidak stabil dimana berlaku turun naik sepanjang tempoh tahun 1990 hingga tahun 2015. Pada awalnya, kadar inflasi di Malaysia semakin meningkat bermula dari suku keempat tahun 1990 sehingga suku keempat tahun 1992 iaitu dari 2.62% kepada 4.77%. Namun, pada suku tahun berikutnya, kadar inflasi mengalami penurunan sehingga mencapai 3.58% pada suku pertama tahun 1994 menunjukkan harga domestik semakin stabil.



Kadar inflasi di Malaysia terus menunjukkan keadaan yang tidak stabil di mana berlaku keadaan turun naik kadar inflasi bermula suku pertama tahun 1995 sehingga mencapai kadar 5.27% pada suku keempat tahun 1998. Keadaan ini merupakan kali pertama kadar inflasi mencapai nilai lebih 5% sejak tahun 1990 dan ianya disebabkan oleh krisis kewangan Asia yang berlaku ketika ini. Namun, kadar inflasi kembali mengalami penurunan pada suku berikutnya sehingga mencapai 0.99% pada suku keempat tahun 2003. Bermula suku berikutnya, kadar inflasi kembali meningkat sebanyak 0.13% iaitu kepada 1.12% pada suku pertama tahun 2004 sehingga mencapai kadar 3.61% pada suku keempat tahun 2006 sebelum ianya kembali menurun mencapai 2.03% pada suku keempat tahun 2007. Namun, krisis kewangan dunia yang melanda sekitar tahun 2007 hingga tahun 2008 menyebabkan kadar inflasi kembali meningkat sehingga mencapai kadar inflasi sebanyak 5.44% dan merupakan kadar inflasi tertinggi sepanjang tempoh tahun 1990 hingga 2015. Namun, selepas tempoh krisis kewangan tersebut kadar inflasi kembali mengalami penurunan dan pernah mencapai nilai terendah bagi tempoh tahun 1990 hingga 2015 iaitu sebanyak 0.58% pada suku keempat tahun 2009.

### 1.13 Organisasi Disertasi

Bahagian ini menerangkan secara ringkas pembahagian bab-bab yang terdapat dalam kajian ini dalam mencapai objektif kajian. Perbincangan dalam bahagian ini diharap dapat memberikan gambaran keseluruhan mengenai kajian ini.





Bab satu merupakan bab pengenalan kepada kajian ini yang membincangkan secara terperinci tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi kepada pembolehubah-pembolehubah kajian yang digunakan iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.

Bab dua pula membincangkan tentang dapatan atau hasil kajian yang terdahulu. Rujukan kajian lepas ini adalah merangkumi kajian-kajian yang lalu sama ada daripada dalam negara maupun luar negara. Bahagian ini dibahagikan kepada tajuk-tajuk kecil bagi menunjukkan hubungan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar.



mengenai kaedah yang digunakan dalam proses pembentukan model yang dianggar bagi kajian yang dijalankan. Bab ini juga membincangkan dan menjelaskan secara terperinci mengenai pembentukan model penganggaran serta langkah-langkah kajian untuk mencapai objektif kajian. Hal ini kerana setiap bidang kajian akan mempunyai kaedah yang tersendiri bagi menjelaskan hasil kajian yang diperolehi.

Seterusnya bab empat merupakan perbincangan bagi hasil analisis kajian berdasarkan data-data yang telah dikumpulkan dalam bentuk jadual, rajah dan huriahan teks yang merupakan maklumat terus untuk menjawab persoalan kajian. Selain itu, perbandingan output dan terjemahannya akan dihuraikan untuk memastikan objektif yang telah ditetapkan akan tercapai.





Bab yang terakhir iaitu bab lima merangkumi perbincangan, cadangan dan kesimpulan daripada keseluruhan kajian. Secara ringkasnya, bab ini akan membincangkan mengenai tentang penemuan kajian dan cadangan yang bersesuaian juga dikemukakan untuk tujuan penambahbaikan kajian kepada penyelidik akan datang.

#### 1.14 Rumusan Bab

Pertumbuhan ekonomi secara umumnya adalah peningkatan per kapita Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau pertumbuhan agregat dan biasanya dapat dilihat dengan peningkatan tahunan KDNK benar dan pertumbuhan ekonomi yang mapan

merupakan matlamat atas sesebuah negara termasuk Malaysia. Faktor-faktor penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi perlu dikenal pasti dan difahami bagi memastikan pertumbuhan ekonomi secara berterusan. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji pengaruh faktor makroekonomi terpilih iaitu perbelanjaan pendidikan, harga minyak dunia, inflasi dan pembolehubah krisis kewangan Asia dan krisis kewangan dunia terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

